

ALIRAN jingga memenuhi Jalan Bukit Tunku, Jalan Parlimen dan Jalan Tun Ismail tidak lama selepas peserta MPI Generali Run 2016 dilepaskan. - UTUSAN/ AZLAN HADI ABU BAKAR



JUARA setiap kategori bergambar selepas acara penyampaian hadiah MPI Generali Run 2016 di Padang Merbok, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Amanuallah gemar juadah tempatan

KONGSIKAN mengapa anda memilih Malaysia untuk menyambung pelajaran?

Saya mengetahui Malaysia melalui rakan-rakan yang pernah menyambung pelajaran di sini. Ramai antara mereka mengatakan Malaysia sangat bagus dan mempunyai suasana belajar yang terbaik tambahan pula pengajaran yang berkonsepkan Islam yang diterapkan dalam sistem kuliahnya.

Pada masa lapang apakah antara aktiviti luar kampus yang anda lakukan?

Setakat ini saya hanya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di dalam kampus sahaja seperti usrah bersama rakan-rakan selain menghabiskan masa dengan membaca dan mengulang kaji pelajaran.

Apakah pengalaman baharu yang anda rasa unik sepanjang di Malaysia?

Saya begitu tertarik dengan cara komunikasi warga tempatan di sini terutama cara memperkenalkan diri serta perbualan yang sangat sopan. Sikap ramah mesra dan mudah dibawa bercanggah menjadikan segalanya lancar jika terdapat permasalahan.

Bagaimana pula dengan budaya dan pergaulan anda di sini?

Sepanjang bergelar pelajar saya aktif dan sering bergaul dengan pelajar tempatan. Saya amat meminati masakan di sini dan setiap hari saya akan mencuba menu baharu kerana ingin merasa kesemua jenis masakan yang ada kerana rasanya mirip dengan selera di negara asal saya.

Apakah pandangan anda mengenai masyarakat Malaysia secara ringkas?

Rata-rata rakan Malaysia yang saya kenali mempunyai sikap sabar yang tinggi serta lembut. Saya berasa sangat selamat sepanjang melanjutkan pelajaran di sini dan seronok suasana tenang yang ada

RUMAH KEDUA



Apakah perbezaan ketara yang anda dapati antara negara asal dan Malaysia?

Secara jujurnya tidak banyak perbezaan dari segi masyarakatnya kerana di Bangladesh hampir 100 peratus penduduknya menganut agama Islam. Cuma pembangunan prasarana mungkin tidak sehebat Malaysia yang lebih ke hadapan berbanding negara asal yang masih berdepan pelbagai isu terutama kepadatan penduduknya dan peluang pekerjaan.

info

AMANULLAH TOMAL

- > **Kursus:** Ijazah Kejuruteraan Mekatronik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- > **Umur:** 24
- > **Asal:** Bangladesh
- > **Hobi:** Mencuba makanan baharu

